

**Signifikan Semakan Status Tanah Wakaf**  
*The Significance of Reviewing the Status of Waqf Land*

Md Yazid Ahmad<sup>✉</sup>, Muhammad Adam Zulfakar Affandi, Ahmad Nizam & Akhmad Jalaluddin  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia  
Faculty of Economics and Business, Universitas Syi'ah Kuala, Banda Aceh, Indonesia  
Faculty of Sharia, Universitas Islam Negeri K.H. Abdurrahman Wahid Pekalongan, Indonesia

**ABSTRAK**

Tanah wakaf mempunyai potensi besar sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi umat Islam, namun potensi ini hanya dapat dimanfaatkan sepenuhnya melalui pengurusan yang berkesan serta kerangka perundangan yang jelas. Mutakhir ini, ketidakjelasan status tanah wakaf semakin ketara dan menimbulkan pelbagai isu dalam aspek pengurusan, perlindungan serta pembangunan harta wakaf. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis keperluan semakan status tanah wakaf. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dengan data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder, serta dianalisis secara deskriptif menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian literatur menunjukkan bahawa walaupun kajian berkaitan tanah wakaf telah banyak dijalankan, perbincangan khusus mengenai keperluan dan mekanisme semakan status tanah wakaf masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek pendaftaran dan tadbir urus wakaf secara umum, tanpa meneliti secara mendalam semakan status tanah wakaf sebagai mekanisme penting dalam mencegah pertikaian dan memperkukuh tadbir urus. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut.

**KATA KUNCI**

tanah wakaf, tadbir urus wakaf, semakan status tanah wakaf, perundangan wakaf

**ABSTRACT**

*Waqf land has strong potential to support the socio-economic development of the Muslim community, but this potential can only be realised through effective management and a clear legal framework. Recently, the unclear status of waqf land has become more obvious and has caused various issues in terms of management, protection, and development of waqf property. Therefore, this study aims to analyse the need to review the status of waqf land. This study adopts a qualitative approach using content analysis, with data collected from primary and secondary sources and analysed descriptively through thematic analysis. The findings from the literature review show that although many studies on waqf land have been conducted, discussions that specifically focus on the need and mechanism for reviewing waqf land status are still limited. Most previous studies focus more on registration and general waqf governance, without deeply examining status review as an important mechanism to prevent disputes and strengthen governance. Therefore, this study is conducted to fill this gap.*

**KEYWORDS**

*waqf land, waqf management, review of waqf land status, waqf legislation*

**Article History**

Received: Jan 5, 2026  
Revised: Feb 26, 2026  
Accepted: Jun 3, 2026  
Published: Jun 15, 2026

**✉ Contact**

Md Yazid Ahmad  
(Corresponding Author)  
[yazid@ukm.edu.my](mailto:yazid@ukm.edu.my)

**Citation**

Muhammad Adam Zulfakar Affandi, Md Yazid Ahmad & Ahmad Nizam. 2026. Signifikan Semakan Status Tanah Wakaf. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 90-97

**Copyright**

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

## PENGENALAN

Wakaf merupakan instrumen sosioekonomi Islam yang signifikan dalam menjamin pengagihan semula kekayaan secara saksama, sekali gus menjadi pemangkin pembangunan sosial lestari dan kesejahteraan ummah secara menyeluruh (Dallh 2023). Melangkaui dimensi ekonomi dan berteraskan konsep qurbah, wakaf menzahirkan ibadah berterusan melalui sedekah jariah yang bersifat kekal (Marasl & Kahf 2024) serta berfungsi sebagai sumber pembiayaan pembinaan masjid, institusi pendidikan, kemudahan kesihatan dan pelbagai aktiviti kebajikan yang memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat (Mustaffa et al. 2022; Mat Daud & Mubarak 2021). Bertitik tolak daripada itu, Ibrahim et al. (2025) dan Kahf (1992) menegaskan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf yang cekap, telus dan berintegriti serta menepati kehendak undang-undang (Ahyani 2024; Mahamood 2006) amat diperlukan bagi memastikan matlamat pewakafan dapat dicapai secara berkesan. Tanpa pengurusan yang sistematik, aset wakaf berisiko terdedah kepada salah guna, pencerobohan serta pertikaian hak milik yang akhirnya menjejaskan kepentingan awam. Oleh itu, aspek perlindungan undang-undang dan pengesahan status tanah wakaf menjadi elemen penting dalam memastikan kelestarian manfaat wakaf.

Sehubungan itu, pengurusan dan pentadbiran wakaf yang sistematik, cekap dan berintegriti merupakan faktor penting dalam memperkukuh ekosistem tadbir urus wakaf yang berwibawa (Abd Aziz et al. 2017) bagi memastikan manfaat wakaf terus memberi impak positif kepada pembangunan masyarakat sekaligus mengangkat aspek perlindungan undang-undang dan pengesahan status tanah wakaf sebagai elemen paling signifikan dalam memastikan kelestarian manfaat wakaf terpelihara.

Meskipun wakaf di Malaysia kini berada dalam fasa perkembangan yang pesat dan diiktiraf sebagai aset penting yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ummah (Mat Daud & Mubarak 2021), namun realitinya, wujud beberapa isu kritikal yang menimbulkan cabaran terhadap keberkesanan pentadbiran khususnya yang melibatkan tanah wakaf. Kebelakangan ini, tular di beberapa buah negeri berhubung kes-kes tanah wakaf yang berdepan ketidakjelasan status perundangan, kelemahan dokumentasi serta kegagalan pendaftaran rasmi, sehingga membawa kepada tuntutan semula oleh waris dan kelewatan pembangunan serta berdepan risiko kehilangan tanah wakaf akibat kegagalan pendaftaran dan semakan status secara sistematik (Hassan 2025; Anon 2025).

Misalnya yang berlaku di Negeri Perak dan Melaka, isu wakaf tidak berdaftar dan wakaf lisan telah mengakibatkan tuntutan pampasan oleh waris walaupun tanah tersebut telah dimanfaatkan untuk pembinaan masjid, sekali gus memaksa masyarakat mengumpul dana yang besar bagi mengekalkan fungsi wakaf berkenaan (Zainol 2025; Mohamed Nor 2025; Meor Ahmad 2025; Ali 2025). Di Negeri Selangor

pula, ketidakjelasan status tanah wakaf turut menyebabkan kelewatan pembangunan dan pencerobohan, seperti dalam kes tapak Masjid Baharu Dengkil walaupun tanah tersebut telah diwartakan (Anon 2025; Rahim 2025).

Selain itu, terdapat tanah yang telah diwakafkan secara sah menurut hukum syarak namun masih belum didaftarkan di bawah sistem perundangan tanah, menyebabkan tanah tersebut terus berdaftar atas nama pewakaf atau waris dan seterusnya melemahkan kawalan pentadbiran wakaf (Ghazali et al. 2019; Sulaiman dan Zainuddin 2023). Tambahan pula, pewartaan semata-mata tanpa pendaftaran rasmi didapati tidak memberikan perlindungan undang-undang yang menyeluruh, sekali gus membuka ruang kepada pertikaian bidang kuasa dan ketidakseragaman amalan pentadbiran akibat ketiadaan garis panduan prosedur yang jelas (Osman, Ramli dan Mohd Nor 2018; Zulkefli dan Md Azmi, 2024).

Sehubungan dengan permasalahan yang dibincangkan, kajian ini memberi tumpuan kepada satu objektif utama iaitu mengkaji keperluan semakan status tanah wakaf. Penekanan terhadap keperluan semakan ini adalah penting bagi mengenal pasti jurang dari sudut perundangan, pentadbiran dan pelaksanaan semasa yang menjejaskan perlindungan serta pengurusan tanah wakaf. Selain itu, analisis ini diharapkan dapat membantu pihak berautoriti memahami kepentingan penyelarasan antara prinsip Syariah dan kehendak undang-undang sivil dalam konteks pewakafan tanah. Dengan adanya kefahaman yang jelas terhadap keperluan semakan status, langkah penambahbaikan yang lebih berkesan dan berstruktur dapat dirangka. Dalam konteks ini, kajian ini memfokuskan kepada penelitian secara mendalam sejauhmana keperluan semakan status tanah wakaf.

## TINJAUAN LITERATUR

### Pentadbiran dan Konsep Tanah Wakaf di Malaysia

Pentadbiran wakaf di Malaysia secara umumnya diletakkan di bawah bidang kuasa negeri, selaras dengan peruntukan perenggan pertama, Senarai Dua, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan hal ehwal Islam sebagai tanggungjawab negeri. Dalam konteks ini Mohamad (2020) menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berperanan sebagai pemegang amanah tunggal wakaf dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan serta pentadbiran harta wakaf. Pandangan ini disokong oleh Mat Hassan et al. (2021) menjelaskan bahawa struktur pentadbiran wakaf di Malaysia memberi kuasa yang besar kepada MAIN dalam menentukan hala tuju pembangunan dan penggunaan tanah wakaf. Sebaliknya, Mohamed Azmi et al. (2022) berpandangan bahawa walaupun kerangka pentadbiran wakaf telah wujud dengan jelas, perbezaan struktur dan keupayaan institusi antara

negeri telah mewujudkan ketidakseragaman dari segi keberkesanan pengurusan wakaf. Sejalan dengan itu, Mohamad (2023) menegaskan bahawa kelemahan tadbir urus wakaf bukan berpunca daripada ketiadaan undang-undang, tetapi lebih kepada isu pelaksanaan, koordinasi dan keupayaan pentadbiran di peringkat negeri.

Dari sudut konseptual, tanah wakaf merujuk kepada harta yang diwakafkan secara kekal bagi tujuan kebajikan dan kepentingan umum selaras dengan hukum syarak. Mat Hassan et al. (2021) menyatakan bahawa konsep tanah wakaf menekankan prinsip kekekalan (*perpetuity*) dan kesinambungan manfaat yang menjadikan tanah tersebut tidak boleh dijual, diwariskan atau dipindah milik setelah sempurna akad pewakafan. Pandangan ini turut dikongsi oleh Ab Ghani & Jalal (2019) yang menegaskan bahawa kesahan wakaf dari sudut Syariah tidak bergantung kepada pendaftaran tanah, sebaliknya bergantung kepada kesempurnaan rukun dan syarat wakaf. Namun begitu, Mohamed Azmi et al. (2022) berpendapat bahawa dalam konteks Malaysia, konsep tanah wakaf tidak boleh dilihat semata-mata dari perspektif Syariah, sebaliknya perlu difahami bersama kerangka perundangan sivil khususnya Kanun Tanah Negara 1965 bagi memastikan perlindungan undang-undang terhadap tanah wakaf dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Selain itu, wakaf harta tak alih pula merupakan bentuk wakaf yang paling dominan di Malaysia dan merangkumi tanah serta bangunan yang diwakafkan bagi pelbagai tujuan kebajikan. Mohamed Azmi et al. (2022) menyatakan bahawa wakaf harta tak alih mempunyai nilai ekonomi dan sosial yang tinggi, namun memerlukan pengurusan yang sistematik kerana melibatkan aspek pemilikan, pendaftaran dan pembangunan tanah. Seiring dengan pandangan tersebut, Mat Hassan et al. (2021) menegaskan bahawa kegagalan memahami ciri wakaf harta tak alih sebagai aset kekal telah menyebabkan sebahagian tanah wakaf terbiar dan tidak dimanfaatkan secara optimum. Manakala kajian oleh Mohamad (2020) pula menekankan bahawa pengurusan wakaf harta tak alih perlu berteraskan prinsip siyasah shar'iyah bagi memastikan pembangunan tanah wakaf tidak bercanggah dengan tujuan asal pewakafan dan kepentingan masyarakat.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pentadbiran wakaf di Malaysia mempunyai asas perundangan dan institusi yang jelas. Majoriti pengkaji menumpukan perhatian kepada struktur pentadbiran wakaf dan peranan institusi seperti Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal. Dalam masa yang sama, konsep tanah wakaf dan wakaf harta tak alih telah dihuraikan secara jelas dari sudut hukum syarak, khususnya berkaitan prinsip kekekalan dan larangan pemindahan milik. Namun demikian, perbezaan tafsiran terhadap konsep wakaf serta kelemahan dalam pelaksanaan pentadbiran telah menimbulkan pelbagai cabaran dalam pengurusan tanah wakaf. Hal ini berlaku

apabila prinsip wakaf menurut Syariah tidak diterjemahkan secara berkesan dalam amalan pengurusan oleh institusi berkaitan, sekali gus melemahkan perlindungan undang-undang terhadap tanah wakaf di Malaysia.

#### Status Tanah Wakaf Menurut Perundangan di Malaysia

Beberapa kajian lepas menegaskan bahawa status tanah wakaf di Malaysia adalah sah dan mengikat dari sudut Syariah sebaik sahaja berlaku lafaz atau niat pewakaf yang memenuhi rukun dan syarat wakaf. Menurut Ghazali et al. (2019), dari perspektif hukum Islam, tanah yang telah diwakafkan menjadi milik Allah SWT secara kekal dan tidak boleh ditarik balik, dijual atau diwarisi oleh waris pewakaf. Pendekatan ini menekankan bahawa kesahan wakaf tidak bergantung kepada pendaftaran sivil, sebaliknya terhasil melalui niat dan sighth wakaf yang sah. Tuntasnya pendekatan ini jelas meletakkan penekanan utama terhadap elemen Syariah dalam menentukan status sesuatu wakaf.

Namun begitu, terdapat juga pengkaji yang berpandangan bahawa status tanah wakaf di Malaysia tidak boleh dinilai daripada sudut Syariah semata-mata, sebaliknya perlu dilihat dalam kerangka perundangan tanah negara. Ab Ghani & Jalal (2019) menjelaskan bahawa Kanun Tanah Negara 1965 merupakan undang-undang tanah utama yang terpakai ke atas semua kategori tanah termasuk tanah wakaf. Oleh itu, pendaftaran di bawah KTN adalah penting bagi memastikan pemilikan yang tidak boleh disangkal (*indefeasibility of title*). Kegagalan mendaftarkan tanah wakaf menyebabkan statusnya menjadi lemah dari sudut undang-undang sivil, walaupun ia kekal sah dari sudut Syariah.

Sementara itu, terdapat juga pengkaji yang menyatakan bahawa tanah wakaf adalah sah dari sudut Syariah, namun tidak kukuh dari sudut pentadbiran dan perundangan sekiranya tidak melalui proses pendaftaran yang lengkap. Mohamad (2023) mendapati masih wujud kekeliruan dalam kalangan pewakaf dan masyarakat apabila mereka menganggap pendaftaran tanah wakaf tidak mempunyai kaitan dengan perundangan sivil. Hakikatnya, status wakaf yang tidak didaftarkan terdedah kepada pertikaian dan tuntutan pihak ketiga. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu status tanah wakaf di Malaysia bukan sahaja bersifat konseptual, malah berkait rapat dengan mekanisme pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang.

#### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan bagi meneliti keperluan semakan status tanah wakaf kerana pendekatan ini membolehkan pemahaman isu secara mendalam dari sudut konsep, prinsip perundangan dan kerangka normatif yang melibatkan tafsiran hukum

serta implikasi undang-undang. Kajian Creswell (2014) menjelaskan bahawa pendekatan kualitatif sesuai bagi kajian yang menekankan pemaknaan dan rasional isu secara konseptual berbanding pengukuran kuantitatif. Penggunaan analisis kandungan pula relevan kerana kaedah ini meneliti dokumen undang-undang dan dasar secara sistematik bagi memahami struktur normatif dan amalan pentadbiran (Krippendorff 2013). Pandangan ini disokong oleh Bowen (2009) yang menegaskan bahawa analisis dokumen amat sesuai dalam kajian tadbir urus dan perundangan, selaras dengan objektif kajian ini untuk menilai semakan status tanah wakaf sebagai mekanisme pengukuhan tadbir urus.

Reka bentuk analisis kandungan digunakan untuk menilai dokumen secara sistematik dan berfokus, meliputi teks perundangan, dokumen rasmi serta penulisan ilmiah berkaitan wakaf dan tanah. Data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sumber sekunder, seperti yang telah dibuktikan oleh Bowen (2009) bahawa pengelasan sumber membolehkan analisis dokumen dilakukan secara tersusun dan berautoriti. Sumber primer melibatkan peruntukan undang-undang, enakmen pentadbiran agama Islam negeri, garis panduan Majlis Agama Islam Negeri serta keputusan kes berkaitan tanah wakaf, manakala sumber sekunder terdiri daripada artikel jurnal, buku dan penulisan akademik berkaitan tadbir urus wakaf. Webster dan Watson (2002) dalam kajiannya merumuskan bahawa sorotan literatur ini penting untuk mengenal pasti pola perbincangan dan jurang kajian.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis tematik secara deskriptif, iaitu kaedah kualitatif yang menumpukan kepada pengenalan tema dan corak perbincangan yang berulang dalam dokumen dan literatur. Melalui pendekatan ini, tema-tema utama seperti isu status tanah wakaf, pendaftaran, perlindungan perundangan dan kelemahan pentadbiran dikenal pasti serta dihuraikan secara sistematik, seperti yang telah dibuktikan oleh Braun dan Clarke (2006) bahawa analisis tematik berkesan untuk mensintesis makna dan pola dalam data kualitatif. Pandangan ini turut disokong oleh Nowell et al. (2017) yang menjelaskan bahawa analisis tematik membolehkan penyelidik membina kefahaman menyeluruh terhadap isu kompleks melalui sintesis tema yang konsisten merentas sumber. Pendekatan ini seterusnya membolehkan dapatan dirumus berdasarkan kecenderungan umum literatur, sekali gus memberikan gambaran komprehensif terhadap keperluan semakan status tanah wakaf sebagai asas pengukuhan tadbir urus wakaf.

## HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

### Ketidajelasan Pendaftaran dan Pengiktirafan Status Tanah Wakaf

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa permasalahan utama yang berkaitan dengan tanah wakaf, khususnya di Malaysia, masih berakar daripada ketidakjelasan status pemilikan dan pendaftaran. Dapatan ini selari dengan pandangan Ghazali et al. (2021) yang mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pengurusan tanah wakaf, antaranya prosedur pendaftaran yang panjang, kaedah pendaftaran yang tidak seragam antara negeri serta pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan pihak berkuasa agama. Implikasi daripada kelemahan ini dapat dilihat apabila sebahagian besar tanah wakaf tidak dapat dimanfaatkan secara optimum dan terus berada dalam keadaan terbiar.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa walaupun pewakafan telah sah menurut hukum syarak sebaik lafaz wakaf dilaksanakan, kedudukan tanah wakaf tersebut sering kali tidak dimuktamadkan dari sudut perundangan tanah sivil. Keadaan ini menyebabkan tanah wakaf kekal berdaftar atas nama pewakaf atau waris, sekali gus melemahkan perlindungan undang-undang terhadap prinsip kekal (ta'bid) wakaf. Ghazali et al. (2019) menegaskan bahawa kegagalan menyelaraskan kesahan wakaf menurut Syariah dengan keperluan pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara 1965 sering membawa kepada pertikaian hak milik serta membuka ruang kepada tuntutan pihak ketiga.

Ketidajelasan status ini turut disokong oleh laporan semasa yang menunjukkan bahawa isu pendaftaran dan pengiktirafan tanah wakaf bukan lagi bersifat terencil, sebaliknya telah mencapai tahap yang membimbangkan di peringkat nasional. Laporan media terkini mendedahkan bahawa ratusan malah ribuan masjid di seluruh negara kini berdepan risiko kehilangan tanah wakaf akibat kegagalan pendaftaran dan ketiadaan semakan status yang sistematik, sekali gus mendedahkan tanah tersebut kepada pertikaian pemilikan dan tuntutan pihak ketiga (Hassan 2025; Anon 2025). Situasi ini memperlihatkan bahawa kelemahan pendaftaran dan pengesahan status bukan sahaja menjejaskan perlindungan undang-undang tanah wakaf, malah memberi implikasi langsung terhadap kelangsungan fungsi institusi masjid dan kepentingan awam.

Dapatan ini disokong Ab Ghani & Jalal (2019) yang menegaskan bahawa ketidakselarasan antara pengiktirafan wakaf menurut Syariah dan pendaftaran menurut Kanun Tanah Negara 1965 menyebabkan sebahagian besar tanah wakaf tidak mempunyai kedudukan perundangan yang kukuh. Tambahan pula, dari sudut perundangan tanah, ketidakjelasan status ini turut dipengaruhi oleh keterbatasan kerangka Kanun Tanah Negara 1965 dalam menangani isu wakaf secara khusus. Mahamood (2006) menjelaskan bahawa KTN tidak memperuntukkan mekanisme khas berkaitan wakaf sebagaimana peruntukan amanah (trust), termasuk ketiadaan pengendorsan "title wakaf" pada dokumen hak milik. Ketidajelasan pengiktirafan khusus ini menyebabkan status tanah wakaf menjadi kabur dari

sudut undang-undang tanah dan masih tertakluk kepada urusan pindah milik, penyerahan atau pertukaran tujuan di bawah peruntukan KTN, sekali gus menjadikan pewakafan tanah suatu proses yang lebih kompleks dan berisiko.

Keadaan ini dapat dibuktikan melalui kes *Majlis Agama Islam Selangor v Bong Boon Chuen & Ors* [2008] 6 MLJ 488 yang melibatkan pertikaian penggunaan tanah seluas kira-kira 13.54 ekar di Kota Kemuning, Shah Alam, yang telah diluluskan sebagai tapak perkuburan Islam. Dalam kes ini, walaupun tanah berkenaan telah diwartakan bagi tujuan keagamaan dan MAIS bertindak sebagai pemegang amanah, Mahkamah Rayuan menolak permohonan MAIS untuk mencelah dalam prosiding semakan kehakiman kerana isu yang dipertikaikan hanyalah kesahan proses pentadbiran pihak berkuasa tempatan, bukan penentuan status wakaf. Keputusan ini menunjukkan bahawa selagi status wakaf tidak dimuktamadkan melalui pendaftaran yang jelas di bawah undang-undang tanah, tanah berkenaan kekal terdedah kepada cabaran dalam sistem perundangan sivil serta konflik bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Syariah.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa ketidakjelasan status perundangan tanah wakaf bukan sekadar isu teknikal pendaftaran, tetapi berpunca daripada jurang struktur antara prinsip wakaf menurut Syariah dan kerangka undang-undang tanah sivil. Jurang ini telah menyumbang kepada kelemahan perlindungan undang-undang terhadap tanah wakaf, seterusnya menjejaskan prinsip kekal wakaf serta menyukarkan usaha pengurusan dan pembangunan harta wakaf secara mampan.

#### Kelemahan Kawalan dan Pencerobohan Terhadap Tanah Wakaf

Selain isu pendaftaran dan dokumentasi, pencerobohan tanah wakaf dikenal pasti sebagai antara ancaman paling serius terhadap kelestarian harta wakaf di Malaysia. Pencerobohan ini sering berlaku ke atas tanah wakaf yang tidak didaftarkan secara formal atau tidak melalui semakan status yang berterusan, sekali gus menyebabkan kedudukannya tidak jelas dari sudut perundangan. Abd. Jalil (2020) menegaskan bahawa pencerobohan haram merupakan salah satu daripada tujuh cabaran utama dalam amalan wakaf di Malaysia, khususnya apabila tanah wakaf terbiar dalam tempoh yang lama tanpa pemantauan berkesan. Keadaan ini membuka ruang kepada pendudukan tanpa kebenaran, pembangunan tidak sah serta eksploitasi tanah wakaf oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pencerobohan tanah wakaf bukan sahaja mengakibatkan kehilangan kawalan fizikal ke atas tanah tersebut, malah turut membawa implikasi undang-undang dan kewangan yang besar kepada Majlis Agama Islam Negeri selaku pemegang amanah tunggal wakaf. Ismail, Salim dan Hanafiah (2015)

menjelaskan bahawa tanah wakaf yang diceroboh sering menghadapi kesukaran untuk dibangunkan kerana melibatkan kos pengosongan, pampasan serta proses perundangan yang panjang.

Sehubungan itu, keperluan untuk melaksanakan semakan status tanah wakaf secara berkala dan sistematik menjadi semakin mendesak bagi mencegah pencerobohan dan memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dapatan kajian oleh Othman dan Mohsin (2024) menunjukkan bahawa kelemahan pemantauan pasca kelulusan dan penguatkuasaan yang tidak konsisten menjadi antara faktor utama berlakunya pencerobohan tanah, termasuk tanah milik institusi awam. Dalam konteks tanah wakaf, semakan status yang berterusan dapat berfungsi sebagai mekanisme awal untuk mengenal pasti risiko pencerobohan, mengesahkan kedudukan hak milik serta memperkukuh tindakan penguatkuasaan sebelum berlaku pelanggaran yang lebih serius. Justeru, semakan status tanah wakaf bukan sahaja berperanan sebagai instrumen pentadbiran, malah sebagai langkah perlindungan strategik bagi menjamin kesinambungan manfaat wakaf kepada ummah.

#### Pertindihan Hak Milik dan Tuntutan Pihak Ketiga atau Waris

Dapatan kajian turut mengesahkan bahawa kelemahan dalam dokumentasi dan pemantauan status tanah wakaf telah menyumbang secara langsung kepada berlakunya pertindihan hak milik serta tuntutan oleh waris atau pihak ketiga. Abd. Jalil (2020) menegaskan bahawa ketiadaan maklumat status yang jelas menyebabkan tanah wakaf mudah terdedah kepada tuntutan waris atau pihak ketiga. Dalam kajian mengenai sistem pendaftaran tanah wakaf di Malaysia, Ghazali et al. (2021) turut mencatat bahawa kelemahan prosedur, proses pendaftaran yang panjang serta rekod yang tidak lengkap dalam pendaftaran wakaf meningkatkan risiko pertindihan hak milik serta konflik melibatkan pihak ketiga.

Hakikat ini dapat dilihat melalui realiti semasa yang berlaku di beberapa negeri, antaranya di Negeri Perak, apabila terdapat kes tanah wakaf yang telah lama digunakan bagi pembinaan masjid namun kemudiannya dituntut semula oleh waris pewakaf atau dijual kepada pemilik bukan Islam kerana status pemilikan tanah masih kekal atas nama individu. Ketidadaan pendaftaran wakaf yang jelas dan kegagalan melakukan semakan status secara berterusan telah membuka ruang kepada tuntutan hak milik tersebut, sehingga memaksa masyarakat setempat mengumpul dana yang besar untuk menebus semula tanah wakaf demi mengekalkan fungsi masjid yang telah sedia dibangunkan (Zainol 2025; Mohamed Nor 2025). Situasi ini secara langsung menunjukkan bagaimana ketidakjelasan status tanah wakaf boleh menjejaskan prinsip kekal wakaf serta membebankan masyarakat akibat kelemahan tadbir urus dan pemantauan.

Keadaan yang hampir sama turut berlaku di Negeri Melaka, khususnya melibatkan kes wakaf lisan yang dibuat tanpa dokumentasi dan pendaftaran rasmi. Walaupun pewakafan tersebut sah dari sudut Syariah, ketiadaan pengesahan status dalam sistem perundangan tanah telah menyebabkan waris pewakaf menuntut bayaran pampasan selepas kematian pewakaf, termasuk ke atas tanah yang telah dibangunkan masjid (Meor Ahmad 2025; Ali 2025). Kes-kes ini memperlihatkan bahawa tanpa semakan status tanah wakaf yang jelas dan dimuktamadkan lebih awal, kedudukan wakaf menjadi terdedah kepada pertikaian hak milik, sekali gus menjejaskan niat asal pewakaf dan kepentingan awam.

Lebih membimbangkan, pencerobohan yang berlarutan boleh menyebabkan tanah wakaf terdedah kepada tuntutan pemilikan oleh pihak ketiga atau waris, sekali gus menjejaskan prinsip kekal wakaf serta niat asal pewakaf. Dalam konteks ini, kajian Abdullah Sanek, Erlen Joni dan Ismail (2017) memperlihatkan bahawa ketiadaan peruntukan khusus wakaf dalam KTN 1965 serta kelemahan sistem pendokumentasian telah menyebabkan status tanah wakaf menjadi tidak jelas, sekali gus membuka ruang kepada pencerobohan dan tuntutan hak milik oleh pihak yang tidak berhak.

Pandangan ini selari dengan dapatan Abd. Jalil (2020) yang merumuskan bahawa semakan status tanah wakaf lazimnya hanya dilakukan apabila timbul konflik atau tuntutan pihak ketiga. Hal ini menunjukkan bahawa amalan semakan status tanah wakaf masih bersifat reaktif dan belum dilaksanakan secara proaktif serta berterusan oleh institusi wakaf. Dalam konteks ini, kajian oleh Rashid, Hussin & Yaakub (2015) mendapati bahawa pengurusan tanah wakaf di Malaysia masih bergantung kepada tindakan pentadbiran selepas isu timbul, khususnya dalam aspek pendaftaran dan pengesahan status hak milik, berbanding pelaksanaan sistem pemantauan status tanah wakaf yang dilaksanakan secara berjadual dan berterusan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa status tanah wakaf di Malaysia berada dalam keadaan yang kompleks, iaitu sah dari sudut Syariah tetapi sering kali lemah dari sudut perundangan dan pentadbiran sekiranya tidak melalui proses pendaftaran dan semakan status yang sistematik. Ketidakselarasan antara prinsip Syariah dan keperluan undang-undang tanah sivil telah menyumbang kepada pelbagai isu seperti pertikaian pemilikan, pencerobohan, tanah terbiar serta kegagalan pembangunan wakaf. Justeru, dapatan kajian ini menegaskan bahawa semakan status tanah wakaf merupakan satu keperluan yang mendesak dan perlu diberi perhatian serius sebagai asas kepada perlindungan serta pembangunan harta wakaf yang mampan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis literatur terhadap kajian-kajian lepas, dapat dirumuskan bahawa semakan status tanah

wakaf merupakan suatu keperluan yang amat signifikan dalam memastikan kejelasan pemilikan, kesahan perundangan serta keberkesanan tadbir urus harta wakaf secara menyeluruh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketidakselarasan antara pewartaan dan pendaftaran tanah wakaf, kelemahan dokumentasi serta perbezaan tafsiran antara prinsip Syariah dan undang-undang tanah sivil telah menyumbang secara langsung kepada ketidakjelasan status tanah wakaf. Situasi ini bukan sahaja mewujudkan ketidaktentuan dari sudut perundangan, malah menjadikan tanah wakaf terdedah kepada risiko pertikaian pemilikan, pencerobohan, tuntutan waris serta penyalahgunaan oleh pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab.

Lebih membimbangkan, ketidakjelasan status tanah wakaf turut memberi kesan negatif terhadap perancangan dan pembangunan wakaf secara lestari. Tanah wakaf yang tidak mempunyai status yang dimuktamadkan sering menghadapi kekangan untuk dibangunkan kerana ketidakpastian hak milik dan risiko undang-undang yang tinggi. Keadaan ini akhirnya menyebabkan potensi ekonomi dan sosial wakaf gagal dimanfaatkan sepenuhnya, sekali gus menjejaskan matlamat asal pewakafan sebagai instrumen kebajikan dan pembangunan ummah. Oleh itu, tanpa pelaksanaan semakan status tanah wakaf yang sistematik, berterusan dan berasaskan prosedur yang jelas, usaha memelihara kelestarian harta wakaf berisiko untuk terus berdepan dengan pelbagai cabaran yang berulang.

Sehubungan itu, kajian literatur ini mencadangkan agar satu kajian lanjutan dilaksanakan bagi meneroka secara lebih terperinci dan komprehensif keperluan semakan status tanah wakaf, khususnya dari sudut pelaksanaan di peringkat pentadbiran negeri. Kajian lanjutan ini dicadangkan agar tidak hanya tertumpu kepada perbincangan konseptual dan normatif, tetapi turut melibatkan kajian empirikal yang menilai amalan sebenar semakan status tanah wakaf, cabaran pelaksanaan di lapangan serta keberkesanan mekanisme sedia ada yang digunakan oleh pihak berkuasa agama. Selain itu, peluasan skop kajian ke negeri-negeri lain juga wajar dipertimbangkan bagi menilai perbezaan amalan pentadbiran, seterusnya membolehkan pembentukan satu kerangka semakan status tanah wakaf yang lebih menyeluruh, seragam dan sesuai diaplikasikan di peringkat nasional.

Di samping itu, dapatan kajian ini turut menegaskan keperluan mendesak untuk membangunkan satu garis panduan khusus berkaitan semakan semula status tanah wakaf yang selaras dengan prinsip Syariah dan kehendak undang-undang semasa. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa wakaf dan institusi berkaitan, ketiadaan garis panduan yang khusus dan bersepadu mengenai mekanisme semakan status tanah wakaf masih menjadi jurang utama dalam pengurusan wakaf di Malaysia. Keadaan ini sebahagiannya berpunca daripada kekurangan perbincangan

terperinci dalam kajian terdahulu berkaitan pendekatan semakin status yang praktikal, standard dan boleh dijadikan rujukan rasmi oleh pihak berkuasa agama.

Akibat ketiadaan garis panduan yang jelas, pihak berkuasa wakaf sering berdepan kesukaran untuk memuktamadkan status sesuatu tanah wakaf, terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan pertindihan maklumat, ketiadaan dokumen sokongan atau konflik antara tafsiran Syariah dan peruntukan undang-undang tanah sivil. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keupayaan institusi wakaf dalam melaksanakan fungsi pengurusan, kawalan dan penguatkuasaan secara berkesan, malah turut menimbulkan kekeliruan dalam menentukan pendekatan semakin yang wajar serta melemahkan keseragaman keputusan pentadbiran berkaitan status tanah wakaf. Justeru, pembangunan satu garis panduan semakin status tanah wakaf yang komprehensif, praktikal dan seragam dilihat sebagai langkah strategik yang penting bagi memperkukuh tadbir urus wakaf serta menjamin perlindungan dan kelestarian harta wakaf untuk manfaat generasi masa hadapan.

#### RUJUKAN

- Abd Aziz, N. A., Sapuan, N. M., Muhamad Tamyez, P. F., & Nasution, N. 2025. The roles of good governance to sustain health waqf: A scoping review. *Journal of Governance and Integrity* 8(1): 901-906.
- Abdullah Sanek, S. K., Erlen Joni, E. K., & Ismail, S. N. 2017. Waqf land in Malaysia: Legal and non-legal impediments with propositions. *Voice of Academia (VOA)* 12(2): 33-39.
- Ab Ghani, S. & Jalal, B. 2019. Isu Pendaftaran Tanah Wakaf dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam. *Journal of Fatwa Management and Research* 16(2): 101–111.
- Abd. Jalil, M.I. 2020. Issues and Challenges of Waqf Practice in Malaysia: A Review. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society* 14: 80-86.
- Ahyani, H., Mutmainah, N., Ahmad, M. Y., Lousada, S. A. N., Triswandani, Y., Rahman, E. T., ... Ulummudin. 2024. Enhancing the Legal Protection of Waqf Assets in Banjar City, West Java, Through Land Registration and Regulatory Awareness to Support the Achievement of Sustainable Development Goals (SDGs). *Journal of Lifestyle and SDGs Review*, 5(2), e03989–e03989.
- Ali, A. 2025. Wakaf mulut punca waris minta pampasan RM213,000. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2025/05/17/wakaf-mulut-punca-waris-minta-pampasan-rm240000/> [15 Disember 2025].
- Anon. 2025. JAIS, PDT Sepang Pastikan Tapak Masjid Dengkil Dikosongkan Dalam Tempoh Sebulan. *BERNAMA*. <https://bernama.com/bm/news.php?id=2411611> [15 Disember 2025].
- Anon. 2025. Lebih 2,000 masjid terancam, tanah wakaf tidak berdaftar. *Bebas News*. <https://bebasnews.my/2025/05/20/lebih-2000-masjid-terancam-tanah-wakaf-tidak-berdaftar/> [15 Disember 2025].
- Bowen, G.A. 2009. Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27–40.
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77–101.
- Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Edisi ke-4. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Dalh, M. 2023. Accumulate but Distribute: Islamic Emphasis on the Establishment of Waqf (Pious Endowment). *Religion and Development* 2(1): 21–40.
- Ghazali, N.A., Sipan, I. @ A., Raji, F. & Haji Mohammad, M.T.S. 2019. Issues on Waqf Land Registration Process in Malaysia and Improvement Proposals. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(3): 57–71.
- Ghazali, N.A., Sipan, I., Haji Mohammad, M.T.S. & Ab Aziz, M.A. 2021. New framework for the management of waqf land registration system in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 14(3): 625–640.
- Hassan, M.S. 2025. 30% masjid berdepan risiko. *New Straits Times*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2025/05/12/7271/30-masjid-berdepan-risiko> [15 Disember 2025].
- Ibrahim, A.I. Faezy Adenan, Mohd, Noor, W. & Mohd. 2025. Waqf Trust as an Islamic Asset Management Instrument: Challenges and Opportunities in Malaysia. *al-Qanatir International Journal of Islamic Studies* 34(04): 163–174.
- Ismail, C.Z., Salim, N.J. & Hanafiah, N.J.A. 2015. Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(4): 613-620.
- Kahf, M. 1992. Waqf and its sociopolitical aspects. Dlm. Kahf, Monzer & Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Essential Readings in Contemporary Waqf Issues*. Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Krippendorff, K. 2013. Content Analysis: An Introduction to Its Methodology. Edisi ke-3. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Mahamood, S.M. 2006. *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Marasl, Ozan & Kahf, Monzer. 2024. The Economic Contributions of Awqāf in Turkiye (1). *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics* 37(2): 3-28.
- Mat Daud, M.H. & Mubarak, M.Z. 2021. Amalan Pengurusan Wakaf di Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS). *Sains Insani* 6(2): 1–8.
- Mat Hassan, M.A., Alias, A., Mahamood, S.M. & De Costa, F. 2021. Waqf Land Development Approaches and Practices in the State Islamic Religious Councils. *Planning Malaysia Journal* 19(13): 317-325.
- Meor Ahmad, M.R. 2025. Gara-gara wakaf mulut: Waris tuntutan kembali tanah lepas pewakaf meninggal dunia. *Berita Harian*.

- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1394565/gara-gara-wakaf-mulut-waris-tuntut-kembali-tanah-lepas-pewakaf> [15 Disember 2025].
- Mohamad, M.R. 2020. Kedudukan tadbir urus wakaf di Malaysia: kajian dari sudut hubungan terhadap Siyasah Shar'iyah. *Journal of Contemporary Islamic Studies* 6 (1). 135-149.
- Mohamad, M.R. 2023. Pendaftaran Tanah Wakaf Dalam Konteks Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56): Satu Kajian Pelaksanaan Di Terengganu. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization* 2(20): 1-9.
- Mohamed Azmi, A.S., Hanif, N.R. & Mahamood, S.M. 2022. Mitigating the Structural Governing Challenges for Waqf Land Development in Malaysia Through Special Property Development Entity (SPDE). *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 1067(1): 012087.
- Mohamed Nor, L.R. 2025. Wang kutipan derma solat Jumaat diguna beli tanah Masjid Jamek Ar-Ridzuan. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2025/05/05/wang-kutipan-derma-solat-jumaat-diguna-beli-tanah-masjid-jamek-ar-ridzuan/> [15 Disember 2025].
- Mujani, W. K., Rifin, M. K. I., Mat Resad, I. S., Jamsari, E. A., Palil, M. R., Ahmad, M. Y., & Mohd Taib, M. S. (2017). Strengthening and enhancing economy and education through waqf in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(12), 600–613.
- Mustaffa, M.F., Kamil, A.M. M., Khalin, M.R., Bulabita, A., & Haji-Othman, Y. 2022. Pengurusan Wakaf di Malaysia: Peluang & Cabaran Dalam Melestarikan Pembangunan Masyarakat. *International Journal of Contemporary Issues* 2(1): 111-121.
- Nowell, L.S., Norris, J.M., White, D.E., & Moules, N.J. 2017. Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods* 16(1): 1–13.
- Osman, R. Ramli, N.A. & Mohd Nor, M.Z. 2018. Waqf Land Administration and Registration: Legal Analysis. *The Journal of Social Sciences Research* 6: 1194-1201.
- Othman, Z. & Mohsin, A. 2024. Penambahbaikan Penguatkuasaan Pasca Kelulusan Sewaan dan Pajakan Tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan: Perspektif Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (Jkptg). *Jurnal LAND Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG)* 7(1): 69-84.
- Rahim, M.S. 2025. Tempoh sebulan bersihkan tapak Masjid Dengkil dari pencerobohan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/tempoh-sebulan-bersihkan-tapak-masjid-dengkil-dari-pencerobohan/> [10 Disember 2025].
- Rashid, R. A., Hussin, R., & Yaakub, N. I. 2015. Pendaftaran tanah wakaf dari perspektif perundangan. *Muktamar Waqf Iklimi II*.
- Sulaiman, A.A. & Zainuddin, N.H. 2023. Kanun Tanah Wakaf Negara: Adakah Satu Keperluan. *Journal of Fatwa Management and Research* 28(3): 129–147.
- Webster, J. & Watson, R.T. 2002. Analyzing the Past to Prepare for the Future: Writing a Literature Review. *MIS Quarterly* 26(2): xiii–xxiii.
- Zainol, F. 2025. Pemilik bukan Islam setuju jual tanah masjid. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/pemilik-bukan-islam-setuju-jual-tanah-masjid/> [15 Disember 2025].
- Zulkefli, N. & Md Azmi, F.A. 2024. Strategi Penyelesaian Isu Pendaftaran Tanah Wakaf ke Arah Wakaf Madani. *Jurnal LAND Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG)* 7(1): 25-58.